

6 JAN 1996

PM LANCAR BANGUNAN KELAB GOLF MINES

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Mines Resort and Golf Club di Mines Resort City di Sungai Besi di sini.

Kelab itu, yang mempunyai padang golf 18 lubang, merupakan sebahagian daripada projek Mines Resort City bernilai RM1,000 juta yang meliputi kawasan 383 hektar dan dimiliki Country Heights Venture Sdn Bhd.

Mines Resort City, sebuah kawasan bekas lombong, menggabungkan sebuah resort dan kemudahan perniagaan, persidangan, penginapan dan hiburan.

Projek itu dijangka siap pada tahun depan.

Dr Mahathir juga diberi taklimat mengenai projek hotel 600 bilik yang dikenali sebagai "Place of the Golden Horses".

Beliau kemudian melawat tapak projek "Mines Waterfront Business Park", sebuah pusat perniagaan, dan "City Beach Hotel".

Yang turut hadir ialah isteri Dr Mahathi, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Country Height Datuk Lee Kim Yew dan Pengerusi Mines Resort and Golf Club Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali. -- BERNAMA